

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 2 (20)

28 Disember 2022
4 Jamadilakhir 1444

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 53/2022 PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI GANTIAN

Dimaklumkan melalui surat edaran dari Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan JPA.(S).800-1/3/2 (19) berkenaan Penambahbaikan Kemudahan Cuti Gantian.

2. Selaras dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 19/ 2022 bertarikh 11 Oktober 2022 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 122 bertarikh 19 Oktober 2022 bersetuju menerima pakai Surat Edaran dari Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan surat JPA.(S).800-1/3/2 (19) bertarikh 20 September 2022 berkenaan perkara tersebut.

3. Penambahbaikan dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR.5.6.1 (Penambahbaikan Kemudahan Cuti Gantian) kepada pegawai perkhidmatan awam seperti berikut:

- a) Cuti Gantian diberikan kepada pegawai yang diarahkan menjalankan tugas lebih masa pada hari bekerja biasa, hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am tetapi tidak berkelayakan mendapat bayaran lebih masa atau sebarang bayaran khas lain;
- b) Cuti Gantian yang boleh diluluskan adalah sama banyak dengan masa dipanggil bertugas lebih masa iaitu 9 jam kerja lebih masa boleh diberi satu (1) hari Cuti Gantian;
- c) Cuti Gantian boleh digunakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kelulusan Ketua Jabatan;
- d) Cuti Gantian hendaklah diluluskan oleh Ketua Jabatan.

4. Pindaan ceraian dan ceraian baharu di atas adalah **berkuat kuasa mulai 20 September 2022**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

GA/zo/2022